

01 SEP 1998

AGONG HANTAR PERUTUSAN KE VIETNAM

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini menghantar perutusan tahniah kepada presiden Vietnam Tran Duc Luong sempena hari kebangsaan negara itu.

Tuanku Ja`afar dalam perutusannya berharap ketua negara itu akan terus menikmati kesihatan yang baik, menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini, hari ini.

"Kita yakin yang hubungan persahabatan sedia ada akan terus dipertingkatkan di tahun-tahun akan datang demi manfaat rakyat kedua-dua negara," titah Tuanku Ja`afar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada rakan sejawatan Phan Van Khai berkata, beliau berpuas hati dengan tahap kerjasama dan persefahaman antara Malaysia dan Vietnam.

"Saya berharap kita dapat terus berusaha untuk memperluaskan skop kerjasama kita ke pelbagai bidang kepentingan bersama," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Nguyen Mahn Cam berharap hubungan rapat dan kerjasama antara kedua-dua negara akan diteruskan demi manfaat kedua-dua negara.

-- BERNAMA

HS PR